

# Gerakan antipenjajah tingkat nasionalisme rakyat

BH- 16/8/2007



Malaysiaku Gemilang

Oleh Mohd Ayop Abd Razid

**D**I ANTARA perkara penting yang perlu diberi perhatian generasi muda dalam menyambut ulang tahun ke-50 kemerdekaan negara ialah mengimbas kembali gerakan antipenjajah di negara ini.

Pengetahuan dan penghayatan terhadap aspek ini penting kerana sejarah adalah nilai dan warisan yang boleh memupuk semangat patriotisme dan nasionalisme rakyat di samping ia satu kaedah penting dalam mengenali akar umbi sejarah serta kenegaraan kita.

Gerakan antipenjajah di Tanah Melayu sehingga terkuburnya Malayan Union perlu disingkap untuk renungan bersama. Abad ke-15 dan ke-17 adalah permulaan kolonialisme Barat ke atas Tanah Melayu. Kuasa Portugis (1511) dan Belanda (1641) adalah dua kuasa awal yang berjaya meruntuhkan empayar Kesultanan Melayu Melaka yang sudah berdiri lebih 100 tahun lamanya.

Penduduk tempatan tidak berdiam diri lalu bangkit melakarkan sejarah gerakan penentangan terhadap kedua-dua kuasa berkenaan. Portugis dan Belanda terpaksa berhadapan dengan siri serangan yang dilakukan oleh pemerintah Kerajaan Melayu Melaka dan pengikutnya.

Pada 824 perjanjian Inggeris-Belanda (Perjanjian London) dimeterai di mana Melaka diserahkan kepada Inggeris. Antara kesan penting perjanjian ini ialah berakhirnya Empayar Johor apabila Tanah Besar Johor dan Singapura jatuh ke tangan British sementara kepulauan Riau ke bawah kuasa Belanda.

Dalam konteks penjajahan British di Tanah Melayu ia tidaklah berlaku secara serentak ke atas keseluruhan Tanah Melayu.

Permulaan penjajahan Inggeris di Tanah Melayu bermula di Pulau Pinang (1789), kemudian British secara beransur-ansur melebarkan misi imperialisme dan kolonialismenya ke negeri Melayu yang lain sehingga di Johor (1914).

Melalui 'Diplomasi Kapal Perang', pendekatan tekanan dan paksaan digunakan oleh British ke atas beberapa negeri di Tanah Melayu, terutama di negeri yang bergolak berikutan rebutan kuasa. Kehadiran British di Tanah Melayu tidak disenangi penduduk tempatan dan mereka terpaksa berhadapan gerakan penentangan dari pemerintah, pembesar, ulama dan penduduk tempatan.

Di Nanning, bangkit Penghulu Dol Said yang melakar sejarah penentangan terhadap British (1830-1833). Walaupun penentangan Dol Said berlaku untuk mempertahankan hak tradisional, ia tetap penting dalam konteks semangat patriotisme rakyat tempatan.

Pada awalnya, beliau berjaya menewaskan British pada 1831 tetapi dengan taktik licik British mendapatkan kerjasama pembesar Rembau Yam Tuan Ali, Yang Dipertuan Seri Menanti, Penghulu Johol, Pembesar Sungai Ujung dan Penghulu Muar telah menyebabkan Dol Said terpaksa menyerah diri pada 1833.

Di Negeri Sembilan, kehadiran British tetap mendapat tentangan pembesar dan penduduk tempatan. Kedatangan British ke negeri itu bermula di Sungai Ujung apabila wujudnya konflik perebutan kedudukan Yam Tuan dan Datuk Kelana. British menyebelahi Datuk Kelana dengan memutuskan Terachi adalah di bawah kawalan Datuk Kelana.

Di Perak, penentangan terhadap British berlaku apabila wujudnya kuasa eksekutif mentadbir yang digelar Residen. Pengenalan jawatan ini adalah hasil Perjanjian Pangkor yang ditandatangani pada 20 Februari 1874.

Kehadiran JWW Birch sebagai Residen Perak pertama tidak disenangi pembesar kerana Residen merampas kuasa Sultan dan pembesar negeri kecuali dalam hal agama dan adat istiadat. Kemarahan ini mencetuskan gerakan anti-British pada 1875 yang diketuai Sultan Abdullah dan pembesar-nya.

Pada 2 November 1875 Pasir Salak dibasahi darah Birch yang dibunuh Maharaja Lela, Pandak Indut dan Seputum. British bertindak balas dengan keras menyebabkan ramai pejuang Perak ditangkap dan dihukum.

Di Pahang gerakan anti British berlaku di antara 1891 - 1895 di bawah pimpinan Datuk Bahaman (Orang Kaya Semantan). Seperti juga di Perak, Pahang turut menerima Residen British (1888) dan JP Rodger dilantik untuk jawatan itu.

Tiada bezanya seperti di Perak, kehadiran residen di Pahang mengganggu dan mencabar kekuasaan tradisional Sultan dan pembesar. Selain Datuk Bahaman, nama seperti Mat Kilau dan ayahnya Tok Gajah adalah tokoh pejuang yang menentang British.

British berjaya mendapat sokongan Sultan Pahang sehingga memaksa pejuang mengundur diri hingga ke Kelantan dan Terengganu.

Di Terengganu, golongan pejuang mendapat suntikan semangat jihad daripada seorang ulama bernama Sayyid Abdul Rahman al-Idrus (Tok Ku Paloh) yang akhirnya mendorong pejuang kembali ke Pahang untuk meneruskan penentangan terhadap British tetapi mereka diasak hebat oleh British sehingga menyebabkan mereka terpaksa berundur semula ke Kelantan dan Terengganu.

Kelantan turut menerima penasihat British melalui Perjanjian Inggeris-Siam atau Perjanjian Bangkok 1909. Penasihat British mula ditempatkan di Kelantan pada 1910. Ketika W A Graham memegang jawatan itu, beliau melaksanakan dasar yang membebaskan melalui pengenalan undang-undang cukai (1915).

Ini menimbulkan kemarahan rakyat dan tokoh tersohornya ialah Mat Hassan Panglima Munas dan Engku Besar Jeram Tun Ahmad. Mat Hassan lebih dikenali sebagai Tok Janggut. Apabila golongan pejuang menguasai daerah Pasir Puteh, pasukan tentera British dari Singapura dikerah dan berlaku pertempuran sengit di Kampung Merbuk dan Kampung Pupuh.

Sultan yang berasa kedudukannya terancam menganggap Tok Janggut sebagai penderhaka dan setelah Tok Janggut terbunuh dalam pertempuran itu, mayatnya digantung beberapa hari di hadapan istana

dan akhirnya dikebumikan di Pasir Pekan.

Di Terengganu, elemen agama dan peranan ulama amat menonjol dalam gerakan anti-British. Terengganu menerima ejen British pada 1910 dan pada 1915 barulah menerima penasihat British. Tokoh ulama seperti Abd Rahman Limbong dan Musa Abd Ghani membangkitkan semangat jihad menentang British.

Usaha tokoh ulama ini mendapat sokongan hampir seluruh penduduk Terengganu. Sentimen agama benar-benar menyemarakkan tentangan terhadap British yang bermula pada 1922 hingga 1928.

Di Sabah dan Sarawak gerakan anti-British tidak kurang hebatnya. Di Sabah ia dipelopori oleh Mat Salleh yang mencetuskan pemberontakan pada 1895, tetapi ia dapat dipatahkan. Setelah Mat Salleh terkorban iaitu pada 1900, gerakan ini menjadi lemah dan British berupaya mengawalinya.

Di Sarawak pula gerakan antipenjajah dapat dikesan seawal 1840-an ketika James Brooke cuba meluaskan pengaruhnya di Sarawak. Beberapa tokoh tempatan di kalangan masyarakat Iban dan Melayu menunjukkan penentangan yang kental terhadap British.

Antara tokoh Iban yang berjiwa patriotik ialah Linggir dari Saribas yang menyerang kapal *Nemesis* milik James Brooke di Batang Lupar pada 1849. Begitu juga dengan Rentap yang menentang James Brooke di Sungai Skrang pada 1853.

Di kalangan tokoh Melayu Sarawak pula ialah Syarif Masahor dan Datu Patinggi Abdul Ghapur yang menyerang James Brooke di Kanowit dan juga di Kuching. Penentang yang lebih hebat tercetus apabila keluarga Brooke bertindak menyerahkan Sarawak kepada British.

Tentangan ini dibuat oleh organisasi politik iaitu Parti Kebangsaan Melayu Sarawak (ditubuhkan 1936) dan juga Persatuan Dayak Sarawak. Ikon pejuang utama di Sarawak ialah Rosly Dhoby yang berjaya membunuh Duncan Stewart, Gabenor Sarawak kedua pada 1949.

Penulis berkelulusan Sarjana dari UIAM kini bertugas sebagai Pegawai Perhubungan Awam di Jabatan Hal Ehwal Khas, Kementerian Penerangan.